

Sambutan Hari Harimau Sedunia di Ipoh hari ini

KUALA LUMPUR 28 Julai - Kumpulan Malayan Banking Bhd. (Maybank) dengan kerjasama Dana Sedunia Alam Semula Jadi Malaysia (WWF-Malaysia) baru-baru ini melancarkan pameran lukisan bermotifkan harimau sempena sambutan Hari Harimau Sedunia di Ipoh, esok.

Pengerusi Maybank, Datuk Mohaiyani Shamsudin berkata, sempena pameran tersebut, sebanyak 15 lukisan cat minyak hasil karya pelukis muda, Azaikmal

Ahmad akan dijual kepada orang ramai pada harga antara RM2,000 dan RM10,000.

"Hasil jualan lukisan itu akan disalurkan kepada WWF-Malaysia dan digunakan untuk pelaksanaan program pemuliharaan harimau Malaya," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Yang hadir sama Pengerusi WWF-Malaysia, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz; Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Datuk Dr. Dionysius S.K.

Sharma; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Maybank, Shahril Azuar Jimin serta Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Maybank, Datin Paduka Marina Mahathir.

"Usaha ini turut mendapat sokongan daripada Tunku Ali Redhaudin apabila beliau membeli beberapa buah lukisan.

"Lukisan yang tidak terjual akan dipamerkan ketika sambutan Hari Harimau Sedunia di Ipoh, Sabtu ini," katanya.

UM-32

29/7